



**FINAL VERSION 2.0: 22 Januari 2024**

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN  
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

**BERSEMPENA  
SAMBUTAN HARI KASTAM SEDUNIA  
KALI KE-42, TAHUN 2024**

**TEMPAT:**

**PUSAT KONVENTSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA  
(PICC)**

**TARIKH:**

**23 JANUARI 2024 | SELASA**

Terima kasih kepada tuan/ puan pengacara majlis.



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI.

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim  
Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan**

**Yang Berhormat Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail  
Menteri Dalam Negeri**

**Yang Berhormat Senator Datuk Seri Amir Hamzah bin Azizan  
Menteri Kewangan II**

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali  
Ketua Setiausaha Negara**

**Yang Berbahagia Datuk Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh  
Peguam Negara**

**Yang Berbahagia Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**

**Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying  
Timbalan Menteri Kewangan**

**Yang Berbahagia Datuk Johan Mahmood Merican  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan**

**Yang Berbahagia Ketua-ketua Setiausaha Kementerian**

**YBhg Tan Sri / Dato' Sri-Dato' Sri**

**Pegawai-pegawai Kanan Kastam**

**Rakan-rakan Media**

**Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita dapat berhimpun bersama-sama dalam majlis sambutan Hari Kastam Sedunia ke-42 pada pagi ini. Bagi pihak seluruh warga Jabatan Kastam Diraja Malaysia, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan serta terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia atas kesudian YAB Dato' Seri untuk hadir dan seterusnya akan merasmikan sambutan Hari Kastam Sedunia kali ini.
  
2. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri-menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara, Yang Berbahagia Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, dif-dif kehormat, wakil-wakil kementerian, pihak swasta, tuan-tuan dan puan-puan ke Majlis Sambutan Hari Kastam Sedunia ke - 42 ini. Saya percaya dengan kehadiran dif-dif kehormat dan tetamu jemputan sekalian akan turut memeriahkan lagi majlis pada pagi ini.

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan hadirin yang dihormati sekalian,**

**PERANAN WORLD CUSTOMS ORGANIZATION (WCO)**

3. Pada hari ini kita berasa amat bertuah kerana berpeluang menyambut Hari Kastam Sedunia yang turut diraikan oleh 185 buah negara lain yang menjadi anggota Pertubuhan Kastam Sedunia atau *World Customs Organization (WCO)*. WCO sebenarnya sudah bermula semenjak tahun 1952 sebagai majlis kerjasama antara pentadbiran-pentadbiran Kastam sedunia.
4. Sebagai anggota WCO semenjak tahun 1964, Jabatan Kastam Diraja Malaysia meneraju peranan secara aktif dalam forum-forum, perbincangan dan perjanjian yang melibatkan proses, sistem dan prosedur perkastaman di peringkat antarabangsa. Penglibatan aktif yang ditunjukkan oleh JKDM ini telah mendapat pengiktirafan daripada pemegang taruh domestik dan antarabangsa.
5. Selaras dengan ini, suka untuk saya nyatakan bahawa tema sambutan Hari Kastam Sedunia Tahun 2024 yang dipilih oleh WCO adalah **“Kastam Menggandingi Rakan Kongsi Tradisi Dan Baharu Dengan Satu Tekad”**, atau dalam bahasa Inggerisnya **“Customs Engaging Traditional and New Partners With Purpose”**. Tema ini memperlihatkan bahawa negara-negara anggota WCO perlu memperkuatkannya lagi perkongsian sedia ada serta menjalin kerjasama strategik baharu dalam landskap global yang sentiasa berkembang.

6. Memetik ucapan dari Ian Saunders, Setiausaha Agung WCO, "tema pada tahun ini akan menjadi hala tuju bagi pelan tindakan negara-negara anggota WCO bagi memastikan pentadbiran Kastam terus menjadi peneraju untuk memudah cara perdagangan antarabangsa dan pada masa yang sama menjamin keselamatan global dalam mengharungi zaman yang pantas berubah ini".
7. Sesungguhnya, dengan perhubungan yang baik dengan rakan kongsi sedia ada serta penglibatan rakan kongsi baharu, akan memudahkan pengesanan dan pencegahan aktiviti penyeludupan serta jenayah yang jika tidak dikawal boleh menjelaskan keselamatan negara, kutipan hasil dan usaha fasilitasi perdagangan.

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan hadirin yang dihormati sekalian,**

**HALA TUJU JKDM PADA TAHUN 2024**

8. Saya berbangga menjadi sebahagian daripada Jabatan yang menjadi tonggak utama ekonomi negara. Peranan JKDM sangat penting dan saling berkait rapat dengan pelbagai pihak terutama agensi kerajaan, swasta dan industri, sesuai dengan tema Hari Kastam Sedunia kali ini. JKDM bersama-sama dengan rakan-rakan kerjasama strategik yang lain, sentiasa berganding bahu dalam meningkatkan hasil ekonomi dan meminimumkan ketirisan hasil negara. Dalam hal ini, JKDM melaksanakan peranan yang aktif bagi melicinkan aktiviti perdagangan rentas sempadan dan menjamin rantai perdagangan yang selamat.

9. Mengimbas kembali pencapaian cemerlang pada tahun 2023, saya dengan sukacitanya, ingin menggunakan kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada seluruh warga JKDM atas kejayaan yang besar dalam **mencapai kutipan hasil sebanyak RM55.1 bilion bagi tahun 2023, melepassi sasaran RM53.5 bilion, dengan lebihan sebanyak RM1.6 bilion atau 3 peratus**. Saya menghargai sokongan padu dan sangat berbangga dengan semangat yang ditunjukkan oleh semua warga JKDM yang sentiasa bekerja keras sehingga ke hujung tahun 2023. Kita telah membuktikan bahawa Jabatan ini sentiasa komited dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Tahniah sekali lagi kepada semua warga JKDM!
10. Bagi tahun 2024 pula, Kementerian Kewangan Malaysia telah menetapkan sasaran kutipan JKDM sebanyak **RM56 bilion**. Bermula awal tahun ini, JKDM telah menggerakkan jentera dalam memastikan sasaran kutipan ini juga turut dapat dicapai. Sebagaimana kejayaan yang dicapai pada tahun lepas, saya yakin dan percaya kita mampu mengulangi kejayaan bagi tahun 2024 ini!
11. Sebagai sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan dalam menguatkuaskan undang-undang dan mengawal sempadan negara pula, JKDM juga berjaya membendung sebanyak **7,771 kes penyeludupan** pada tahun 2023 yang melibatkan nilai keseluruhan rampasan sebanyak **RM567 juta**. Sebagai rekod, kes rampasan tertinggi yang pernah dicatatkan dalam tahun 2023 adalah melibatkan kes rampasan **dadah jenis Fentanyl** seberat **807.9 kilogram** yang bernilai sebanyak **RM44.4 juta**.

12. Dalam usaha untuk menarik kepercayaan lebih ramai pelabur ke Malaysia pula, JKDM konsisten dalam usaha mempercepatkan dan memantapkan lagi fasilitasi perdagangan merentasi sempadan. Dengan adanya keseimbangan antara fungsi mengutip hasil dan fasilitasi perdagangan, pembangunan ekonomi akan menjadi lebih makmur. JKDM juga sentiasa giat memberikan kefahaman dan pengetahuan kepada pihak industri melalui program-program seperti '*outreach*', '*handholding*' dan khidmat nasihat dari semasa ke semasa. JKDM juga turut memberi fokus ke arah memudahcara perdagangan dengan mengadaptasi transformasi teknologi melalui pembangunan sistem seperti, **MyExcise Fasa 2, CuBIC, Sistem MySawit, SDSIE dan i-PATUH**.
13. Seiring dengan dasar dan inisiatif Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan terpilih dan antara negara perdagangan yang berdaya saing, JKDM sentiasa bersedia memenuhi komitmen perjanjian perdagangan antarabangsa seperti layanan keutamaan perdagangan (*preferential trade*) serta mematuhi prinsip '*Rules of Origin*' (ROO). Antara kerjasama antarabangsa terkini yang dimeterai adalah '***Mutual Recognition Arrangement – Authorised Economic Operator***' (MRA-AEO) yang baru ditandatangani pada 18 Januari 2024 antara JKDM dan Kastam Singapura, bagi melancarkan prosedur perkastaman dan meningkatkan lagi fasilitasi perdagangan di antara kedua-dua negara.

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan hadirin yang dihormati sekalian,**

## **PENGANUGERAHAN SIJIL SEMPENA HARI KASTAM SEDUNIA**

14. Sambutan Hari Kastam Sedunia pada hari ini adalah amat bermakna dimana kita bersama-sama akan menyaksikan penyampaian anugerah-anugerah utama bagi meraikan sumbangan dan pengorbanan individu serta organisasi kepada ekosistem perkastaman negara. Antara anugerah-anugerah yang akan sampaikan adalah:
- i. **Anugerah WCO** '*Certificate of Merit*' yang mengiktiraf pegawai-pegawai Kastam berdasarkan sumbangan dan pencapaian dalam Jabatan yang memenuhi kriteria tema Hari Kastam Sedunia tahun ini;
  - ii. **Anugerah Syarikat Swasta Berprestasi Tinggi** yang dianugerahkan kepada syarikat-syarikat swasta yang telah menyumbang hasil tertinggi dan tadbir urus terbaik;
  - iii. **Anugerah Negeri Berprestasi Tinggi** yang dianugerahkan kepada negeri-negeri yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2023;
  - iv. **Anugerah Tokoh NGO** dianugerahkan atas penglibatan dan sumbangan pegawai dalam NGO dan Jabatan; dan
  - v. **Anugerah Tokoh Kastam** yang dianugerahkan kepada individu sebagai penghargaan yang tinggi atas jasa, bakti dan

sumbangan yang berimpak tinggi di sepanjang perkhidmatan beliau.

15. Selain itu, **untuk julung kalinya**, JKDM memperkenalkan anugerah baharu sempena Hari Kastam Sedunia pada tahun ini, iaitu **Anugerah Wira dan Wirawati Kastam**. Penganugerahan ini diberikan kepada pegawai-pegawai pelbagai lapisan sebagai tanda menghargai usaha mereka yang terus berbakti kepada JKDM meskipun sentiasa berdepan dengan risiko dan musibah seperti dilanggar oleh tonto, kereta disimbah cat, diugut dengan penghantaran peluru serta pelbagai ancaman lain. Mereka ini adalah wira dan wirawati JKDM yang tidak didendang (*'the unsung heroes'*). Saya percaya penganugerahan ini akan membentuk semangat juang yang lebih tinggi di dalam hati pegawai-pegawai untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada negara.

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan hadirin yang dihormati sekalian**

**AKHIR KALAM**

16. Suka saya mengingatkan bahawa dalam setiap organisasi, kerjasama dan semangat berpasukan adalah penting bagi memaju dan membangunkan organisasi tersebut. Justeru, kerjasama dan kolaborasi yang menyeluruh daripada kepimpinan di peringkat tertinggi JKDM sehingga ke peringkat pelaksana, sering dipupuk dengan semangat '**sense of belonging**', yakni suatu budaya kerja bersama-sama dan bersifat kepunyaan serta optimis. Saya yakin

bagi tahun 2024 ini, kerjasama erat dalam kalangan warga JKDM, dan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan serta sektor swasta akan dipertingkatkan lagi demi menjamin pelaksanaan amanah dengan efektif bagi JKDM sebagai sebuah agensi pemungut hasil, menjaga sempadan dan melaksanakan fasilitasi perdagangan.

17. Sebelum saya akhiri ucapan saya, sekali lagi saya dan seluruh warga Jabatan Kastam Diraja Malaysia merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia atas kesudian untuk hadir dan merasmikan majlis sambutan Hari Kastam Sedunia pada pagi ini. Dan terima kasih juga saya rakamkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia yang telah banyak memberi sokongan kepada JKDM.
18. Sebelum saya berundur, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun.

*Bintang tujuh sinar meniti,  
Purnama datang semangat membara,  
Amalkan cekap, tangkas dan integriti,  
Demi mereformasikan ekonomi negara.*

19. *Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sekian, terima kasih.

**DATO' ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN  
KETUA PENGARAH KASTAM  
MALAYSIA**  
**23 Januari 2024**